



**HASIL**

**INFORMASI**  
*Information*



## e-FILING

### Pengguna Kali Pertama First Time User

Mohon Nombor PIN di e-KYC/ MyTax/ Pejabat HASIL / UTC / Pusat Khidmat Hasil yang berdekatan  
\*Peringatan : Wakil dibenarkan dengan membawa surat kuasa / kebenaran

Get your PIN Number via e-KYC/ MyTax/ HASIL Branches / UTC / Revenue Service Centre only.  
\*Reminder : Representative is allowed with authorized letter from tax payer

Email

Password

[forgot password?](#)

### Langkah-Langkah Untuk Log Masuk Kali Pertama

#### Steps For First Time Login

- Klik e-Filing / Click e-Filing
- Log masuk kali pertama  
First Time Login
- Masukkan nombor Pin dan nombor MyKad  
Key In PIN number and MyKad number
- Cipta kata laluan dan frasa keselamatan  
Create Password and Security phrase
- Pilih borang yang betul / Choose correct form
- Isi dan lengkapkan borang  
Fill In and complete the form
- Sahkan Maklumat / Verify Information
- Tandatangan dan hantar / Sign and submit
- Cetak salinan pengesahan  
Print Acknowledgment receipt

### Pengguna Sedia Ada (Terlupa Kata Laluan) Existing User (Forgot Password)

- Reset kata laluan melalui MyTax :  
Reset password via MyTax:
  - i. e-mel berdaftar dengan HASIL;  
Registered email with HASIL
  - ii. Hadir ke Pejabat HASIL berdekatan  
Visit to nearest HASIL office

### Langkah-Langkah Untuk Pengguna Sedia Ada (Terlupa Kata Laluan) Steps For Existing User (Forgot Password)

- Log masuk MyTax  
Log in MyTax
- Terlupa kata laluan  
Forgot password
- Pilih e-mel berdaftar dengan LHDNM  
Select e-mel registered with LHDNM

Jika tiada e-mel berdaftar, hadir ke Pejabat HASIL berdekatan untuk reset kata laluan.  
Visit to nearest HASIL's Office if there is no e-mel registered with LHDNM to reset your password.



Imbas Kod  
QR untuk  
e-Filing



**Tidak Menjalankan Perniagaan**

**1 Mac 2024 - 30 April 2024**

**Menjalankan Perniagaan**

**1 Jun 2024 - 30 Jun 2024**

 [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)  03-8911 1000  [facebook.com/HASILMalaysia](https://facebook.com/HASILMalaysia)  [hasil\\_malaysia](https://instagram.com/hasil_malaysia)  [@HASIL\\_Malaysia](https://youtube.com/HASIL_Malaysia)  [@HASIL\\_Malaysia](https://twitter.com/HASIL_Malaysia)  [@hasil\\_malaysia](https://tiktok.com/@hasil_malaysia)

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

## **NOMBOR PENGENALAN CUKAI (TIN)** **TAX IDENTIFICATION NUMBER (TIN)**

TIN adalah nombor pengenalan cukai seperti Rekod sedia ada LHDNM. Pelaksanaan TIN adalah mulai 1 Januari 2022, selaras dengan Peruntukan Seksyen 66A Akta Cukai Pendapatan 1967. *TIN is a tax identification number as per records maintained with HASiL. The enforcement of TIN was commemorated since January the 1st 2022 inline with the allocation in Section 66A IncomeTax Act 1967, ITA 1967.*

**1** Permohonan dalam talian melalui e-Daftar / **Online application via e-Daftar**  
<https://mytax.hasil.gov.my/>perkhidmatan>ezHasil>e-Daftar>

**2** Permohonan secara manual melalui / **Manual application via e-Daftar**

- Permohonan pembayar Cukai atau wakil pembayar Cukai  
*Application of taxpayer or representative of taxpayer*
- Penerimaan Borang Nyata tanpa nombor TIN  
*Recipient of Income Tax Return Forms, ITRF without TIN number*
- Penerimaan Pemberitahuan Pekerja Baharu atau Borang CC22; dan  
*Recipient of Announcement of New Employee or CP22 Forms and*
- Program pengumpulan maklumat / maklumat daripada pihak ketiga  
*Information Gathering Program (Information from Third Party)*

**3** Pendaftaran nombor TIN secara automatik oleh HASiL seperti berikut / **Automatic TIN number registration by HASiL are as follows**

- a. Pendaftaran nombor TIN syarikat (C) melalui *Malaysia Corporate Identity (MyCoID)*  
*Registration of Company / Corporate TIN via the Malaysia Corporate Identity (MyCoID)*
- b. Pendaftaran nombor majikan (E) bersama-sama nombor TIN mulai 15 Oktober 2019 melalui MyCoID  
*Registration of Employee(E) number and TIN number by employer since 18th October 2019*
- c. Pendaftaran nombor TIN individu melalui Potongan Cukai Berjadual (PCB)  
*Registration of TIN via the Monthly Tax Deduction (MTD) Programme*
- d. Data Adhoc yang diperolehi di bawah Projek Jawatankuasa Penyelarasan Data LHDNM  
*The ADHOC data generated under the project of IRBM Data Coordination Committee*
- e. Pendaftaran TIN bagi pengaruh syarikat, pekongsi, pemegang amanah dan jawatan Pengurusan lain di bawah semua jenis fail berdasarkan maklumat yang dilaporkan dalam Borang Nyata (BN) yang akan dipadankan dengan data daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPC)  
*TIN registration for Company director, share partners, trustee, and other management positions under all types of files based on information declared and reported in the Income Tax Return Forms, ITRF. This information is then verified with data from National Registration Department, NRD*
- f. Data warganegara dan pemastautin tetap yang diperolehi daripada JPN mulai 1 Januari 2023 bagi individu berikut:  
*Data of nationality and permanent resident are obtained from the NRD commencing January the 1st 2023 for the stated individual*
  - Berumur 18 tahun ke atas  
*Age 18 years and Above*
  - Mencapai umur genap 18 tahun akan didaftarkan secara kelompok jika belum mempunyai TIN  
*To be registered as a group if have achieved 18 years of age but hasn't gotten a TIN*
- g. Data pekerja baharu yang dilaporkan melalui e-CP22  
*Latest employee data reported via e-CP22*





# Semak Status Cukai Anda Di e-Lejar

e-Lejar

<https://mytax.hasil.gov.my>

<https://mytax.hasil.gov.my>

## Pendaftaran Melalui e-Daftar

### Registration via e-Daftar

Selaras pelaksanaan e-Perkhidmatan mulai Januari 2024, pendaftaran sepenuhnya melalui e-Daftar bagi kategori fail cukai berikut:

*In line with the implementation of the e-Services commencing in January 2024, the details of full registration via e-Daftar for the file category are as follows:*

BIL NO.	PEMBAYAR CUKAI TAXPAYER	JENIS CUKAI TYPE OF FILE
1.	Individu <i>Individual</i>	IG
2.	Syarikat <i>Company</i>	C
3.	Koperasi <i>Cooperative</i>	CS
4.	Perkongsian Liabiliti Terhad <i>Limited Liability Partnership</i>	PT
5.	Badan Amanah <i>Trustee</i>	TA
6.	Unit Amanah / Amanah Harta Tanah <i>Trustee/Real Property Trustee</i>	TC
7.	Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta <i>Real Estate Investment Trust/Asset Trust Funds</i>	TR
8.	Amanah Perniagaan <i>Business Trust</i>	TN
9.	Pertubuhan <i>Association</i>	F
10.	Perkongsian <i>Partnership</i>	D
11.	Majikan <i>Employer</i>	E

- Dokumen sokongan perlu dimuat naik melalui e-Daftar (*samada perlu*)  
*The supporting document are to be uploaded via the e-Daftar*
- Jika permohonan lengkap dan berjaya, pemohon akan menerima e-mel makluman.  
*A confirmation email will be sent to successful applicants whom submitted complete documents.*
- Jika permohonan atau dokumen tidak lengkap, permohonan akan ditolak dan pemohon akan menerima e-mel pemakluman. Pemohon boleh membuat semula permohonan baharu.  
*Incomplete submissions will be rejected stating the incompetencies of the documents supplied accompanied by the application status via email. Applicants may try and resubmit the application.*



## Semakan TIN Yang Telah Didaftarkan

Verification Of Registered Tin

Untuk menyemak permohonan TIN yang telah didaftarkan, pembayar cukai boleh mengikut langkah-langkah di bawah:  
*To check on the registered TIN application, taxpayers may follow the steps below:*

- Portal MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my> > Perkhidmatan ezHasil > e-Daftar  
*Surf the MyTax portal at <https://mytax.hasil.gov.my> > ezHasil services > e-Daftar*
- Hasil Contact Centre di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100(Luar Negara)  
*Contact our customer care officers at the Hasil Contact Centre by dialling in to 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (overseas call)*
- Kaunter HASiL/ Pejabat HASiL/ Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang berhampiran  
*HASiL counter / HASiL Branches or adjacent Urban Transformation centres (UTC)*

## Soalan Lazim Berkaitan Pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN)

*Faq On Implementation Of Tax Identification Numbers, TIN*

### 1 Apakah yang dimaksudkan dengan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) *What does Tax identification Number, TIN mean?*

Nombor Pengenalan Cukai (TIN) adalah NOMBOR CUKAI PENDAPATAN sepertimana Rekod sedia ada di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL).

*Tax identification Number, TIN is the Income Tax Number of the existing records held in IRBM (HASiL).*

Contoh:

*For instance:*

KATEGORI CATEGORY	JENIS FILE TYPE OF FILE
Individu Pemastautin dan Individu Bukan Pemastautin <i>Resident Individuals and Non-residents Individual</i>	IG
Syarikat <i>Company</i>	C



## 2 Adakah semua kategori pembayar cukai perlu mempunyai nombor pengenalan cukai (TIN)?

*Does it require all categories of taxpayers to have the Tax Identification Number, TIN?*

Mana-mana pembayar cukai yang terdiri daripada kategori di bawah adalah diwajibkan mempunyai nombor pengenalan cukai (TIN):

*Any taxpayers consisting of categories stated below are compulsory to have Tax Identification Numbers, TIN.*

- Pembayar cukai yang boleh ditaksir dan boleh dikenakan cukai  
*Taxpayer who can be assessed and are eligible for tax payment*
- Pembayar cukai yang dikehendaki untuk mengemukakan Borang Nyata (BN)  
*Taxpayers who are required to submit Income Tax Return Forms ITRF.*
- Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas.  
*Individual aged 18 years age and above.*

## 3 Adakah pembayar cukai yang telah mempunyai nombor cukai pendapatan perlu mendapatkan Nombor Pengenalan Cukai (TIN)?

*Does an existing taxpayer have to apply for a Tax Identification Number, TIN?*

Tidak. Mana-mana pembayar cukai yang telah diberikan nombor cukai pendapatan sebelum atau pada 1 Januari 2022 adalah disifatkan sebagai Nombor Pengenalan Cukai (TIN) bagi pembayar cukai berkenaan.

*No. An income tax number provided to a taxpayer on or prior to the 1st of January 2022 is classified as the Tax identification Number, TIN for that individual.*

## Pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai Di Bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

*Implementation Of Tax Identification Number, Tin For Real Property Gains Tax Act 1976*

### 1 Adakah pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai ini terpakai bagi transaksi di bawah ACKHT 1976?

*Does the implementation of the Tax Identification Number affect the transactions transpired under the 1976 RPGT Act?*

Ya. Penggunaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) dalam Borang Nyata (BN) bagi urusan yang melibatkan transaksi di bawah ACKHT 1976 adalah diwajibkan.

*Yes, it does as the utilisation of the Tax Identification Number, TIN in the filing of the Income Tax Return Form, ITRF for transactions under the 1976 RPGT Act is compulsory.*

## 2 Apakah yang dimaksudkan dengan transaksi di bawah ACKHT 1976? *What is meant by transaction under the 1976 RPGT Act?*

Semua pihak yang ingin melakukan transaksi pelupusan dan pemerolehan harta tanah atau syer dalam syarikat harta tanah perlu memiliki Nombor Pengenalan Cukai (TIN).  
*All parties intending to execute the disposal and acquisition of real estate or shares in a Real Property company must obtain the Tax Identification Number, TIN.*

## 3 Apakah dokumen yang memerlukan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) di bawah ACKHT 1976? *What are the documents requiring Tax Identification Number, TIN under the 1976 RPGT Act ?*

Dokumen yang memerlukan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) adalah termasuk:  
*The documents requiring the Tax identification Number TIN are:*

- Borang CKHT 1A;
- Borang CKHT 1B;
- Borang CKHT 2A;
- Borang CKHT 3;
- Bayaran di bawah Seksyen 21B ACKHT 1976 melalui Borang CKHT 502 oleh pemeroleh; dan
- Surat-menyurat dan rayuan.

- CKHT 1A form
- CKHT 1B form
- CKHT 2A form
- CKHT 3 form
- Payment under the Section 21B 1976 RPGT Act via the 502 RPGT by the recipient.
- Letters and appeal.

## 4 Bilakah Nombor Pengenalan Cukai (TIN) ini akan mula berkuat kuasa? *When will the Tax Identification Number, TIN come into enforcement?*

Pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 selaras dengan peruntukan baharu di bawah Seksyen 57B ACKHT 1976.  
*The implementation of the Tax Identification Number, TIN will be enforced commencing January the 1st 2022 in line with the new allocation under the Section 57B 1976 RPGT Act.*

## PELAKSANAAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI (TIN) DI BAWAH AKTA SETEM 1949 IMPLEMENTATION OF TAX IDENTIFICATION NUMBER, TIN UNDER THE STAMP DUTY 1949

- 1** Adakah pelaksanaan Nombor Pengenal Cukai (TIN) ini terpakai bagi transaksi di bawah Akta Setem 1949;  
*Does the implementation of Tax Identification Number, TIN apply to the 1949 Duty Stamp Act?*

Ya. Penggunaan Nombor Pengenal Cukai (TIN) dalam borang permohonan penyeteman bagi urusan yang melibatkan transaksi di bawah Akta Setem 1949 adalah diwajibkan.  
*Yes. The utilisation of the Tax Identification Number, TIN is compulsory for transactions under the 1949 Stamp Duty Act in the stamping application forms involving transactions under the Act.*

- 2** Apakah yang dimaksudkan dengan transaksi di bawah Akta Setem 1949:  
*What is meant by transactions under the 1949 Stamp Duty Act?*

Bagi fasa awal pelaksanaan, dokumen dan surat cara penyeteman melibatkan pindah milik harta tanah, pindah milik saham dan pindah milik perniagaan untuk kategori syarikat dan individu perlu menggunakan nombor cukai pendapatan.  
*At the initial stage of implementation, documentation and stamping artifact involving the transfer of property, transfer of shares and business ownership transfers for corporate and individuals will require taxpayers to use the income tax number.*

- 2** Bilakah Nombor Pengenal Cukai (TIN) ini akan mula berkuat kuasa?  
*When will the Tax Identification Number, TIN be implemented?*

Pelaksanaan Nombor Pengenal Cukai (TIN) akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 selaras dengan peruntukan baharu di bawah Seksyen 77C Akta Setem 1949.  
*The implementation of Tax Identification Number, TIN will be enforced on 1st January 2022 inline with allocation under the Section 77C Duty Stamp Act 1949.*

### NOTA Notes

- Soalan Lazim (FAQ) ini disediakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat, FAQ versi Bahasa Melayu akan diguna pakai.  
*The Frequently Asked Questions (FAQ) prepared in Malay Language and English. If at all any discrepancies of content arises, we will prioritize the Malay version as a point of reference.*
- FAQ ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat perubahan dan maklumat tambahan.  
*The FAQ will undergo updates as and when revision is made and additional information is supplied.*

## BAYARAN CUKAI PENDAPATAN

### INCOME TAX PAYMENT

## ByrHASiL (Online Payment Gateway): Mudah, Cepat dan Selamat

ByrHASiL (Online Payment Gateway): Easy, Fast and Safe

1

Layari <https://byrhasil.hasil.gov.my/>  
Log on to <https://byrhasil.hasil.gov.my/>

Bayaran menggunakan Nombor Bil dan Nombor Pengenalan Cukai (Tax Identification Number - TIN) sebagai rujukan bayaran. Pilih bayaran menerusi FPX di portal perbankan internet bank yang tersenarai. Pembayar cukai boleh membuat carian nombor bil melalui Sistem 'e-Billing' dan 'Carian Nombor Bil' dalam 'MyTax' sebelum membuat bayaran.  
*Payment using Bill Number and Tax Identification Number (TIN). Choose to pay via FPX on the listed bank's internet banking portal. Taxpayers can search the bill number through 'e-Billing' system and 'Search Bill Number' in 'MyTax' before making a payment.*

2

Layari URL berikut untuk pengisian dan pembayaran  
Potongan Cukai Bulanan (PCB)\* bagi pekerja  
Visit the following URL for Monthly Tax Deduction (MTD)\* filling and payment.

- <https://ekls.hasil.gov.my/>
- <https://eapps.hasil.gov.my>
- » LHDNM telah menghentikan penerimaan bayaran PCB menggunakan cek dan tunai di seluruh kaunter bayaran LHDNM termasuklah yang dihantar menerusi pos atau kurier.
- » \*The IRBM has stopped accepting MTD payments by cheque and cash at all IRBM payment counters including those sent by post or courier.

## Bayaran Cukai

### Tax Payment

Cukai Pendapatan (bagi Individu dan Syarikat), Cukai Keuntungan Harta Tanah dan Potongan Cukai Bulanan (PCB) boleh dibayar menerusi Bank Komersial dan Pejabat Pos yang dilantik sebagai ejen kutipan melalui pelbagai medium\*\* menggunakan Nombor Pengenalan Cukai (Tax Identification Number - TIN) ATAU Nombor Bil. Kedua-dua maklumat boleh diterima untuk memproses bayaran cukai.

*Income Tax (for Individuals and Corporate), Real Property Gain Tax (RPGT) and Monthly Tax Deduction (MTD) can be paid through Commercial Banks and Post Offices appointed as collection agents through various mediums\*\* using Tax Identification Number (TIN) OR Bill Number. Both information is acceptable for processing tax payments.*



Medium Bayaran Payment Mode	Jenis Bayaran Payment Type		
	CP	CKHT	PCB
Kaunter Bank / Kaunter Pejabat Pos <i>Bank / Pos Malaysia Office Counter</i>	✓	✓	✓
Mesin Juruwang Automatik (ATM) <i>Automated Teller Machine (ATM)</i>	✓	✓	-
Perbankan Internet (Internet Banking) <i>Internet Banking</i>	✓	✓	✓
Perbankan Telefon / Telefon Mudah Alih (Phone/Mobile Banking) <i>Phone/Mobile Banking</i>	✓	✓	-
Mesin Deposit Tunai (Cash Deposit Machine) <i>Cash Deposit Machine</i>	✓	✓	-

\*\* Setiap ejen kutipan yang dilantik menawarkan pilihan perkhidmatan yang berbeza. Penggunaan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak ejen.

\*\* Each appointed collection agent offers different service options, subject to the terms and conditions set by the agent.

Pembayar cukai boleh merujuk maklumat lengkap berhubung bayaran di Portal Rasmi HASiL ([www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)).  
*Taxpayer may refer to IRBM Official Portal ([www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)) for further information on the tax payment.*

Resit bayaran dan slip penerimaan dari bank perlu disimpan untuk rujukan masa hadapan. Semua resit dikeluarkan oleh ejen kutipan yang dilantik dianggap sebagai resit rasmi.  
*The payment receipt and acceptance slip from the bank should be kept for future reference. All receipts issued by the appointed collection agent are considered official receipts.*

## Pemakluman / Notification

### Bayaran menerusi Pindahan Telegrafik (TT) / *Electronic Funds Transfer (EFT)* dan *Interbank Giro (IBG)*

#### *Tax Payment*

Pembayar cukai atau pihak pembayar perlu menggunakan Nombor Akaun Maya [Virtual Account Number (No. VA)] melalui Sistem e-TT.

Pembayar cukai atau pihak pembayar dikehendaki log masuk ke sistem e-TT dan mengisi maklumat bayaran yang diperlukan bagi mendapatkan No. VA yang akan digunakan untuk membuat bayaran menerusi *Telegraphic Transfer (TT) / Electronic Funds Transfer (EFT) / Interbank GIRO (IBG)*.

Pembayar cukai boleh merujuk Portal Rasmi HASiL ([www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)) bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung prosedur bayaran menerusi TT/EFT /IBG.

*Payers or Taxpayers who wish to pay tax through TT medium from within and outside Malaysia will be required to log in to the e-TT system at My Tax Portal; <https://mytax.hasil.gov.my> through 'ezHasil Services' > 'e-TT' to provide the required payment information and to use the VA Number generated by the system as their payment account number when making the payment through TT at the bank counter or through electronic banking portal.*

*Taxpayer may refer to IRBM Official Portal ([www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)) for further information on the TT/EFT /IBG.*

## Pusat Pengurusan Terimaan Hasil (PPTH)

*Payment through Telegraphic Transfer (TT) / Electronic Funds Transfer (EFT) and Interbank Giro (IBG)*

Bayaran menggunakan Nombor Bil atau Nombor Pengenalan Cukai (TIN) boleh dilaksanakan melalui medium berikut:

*Payment using Tax Identification Number (TIN) OR Bill Number can be done through the following mediums:*

PPTH HASIL IRBM Revenue Management Centre			
No.	Jenis Bayaran Cukai <i>Types of Payment</i>	Medium Bayaran <i>Payment Medium</i>	Rujukan Bayaran <i>Payment Reference</i>
1	Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) – Pegangan cukai 3% oleh pemboleh hartanah di bawah seksyen 21B Akta CKHT 1976 (Borang CKHT502) <i>Real Property Gain Tax (RPGT) - 3% remittance by acquirer (Section 21B RPGTA 1976); (Form: CKHT502)</i>	Tunai / <i>Cash</i> Bank draft / <i>Bank draft</i>	Nombor Bil <i>Bill Number</i>
2	Cukai Pendapatan Penghibur Awam (Seniman Kembara) <i>Foreign Artist</i>	Tunai / <i>Cash</i> Bank draft / <i>Bank draft</i>	Nombor Bil / TIN <i>Bill Number/ TIN</i>
3	Cukai Pegangan <i>Withholding Tax</i>	Tunai / <i>Cash</i> Bank draft / <i>Bank draft</i>	Nombor Bil <i>Bill Number</i>
4	Bayaran Kompaun <i>Compound</i>	Tunai / <i>Cash</i> Bank draft / <i>Bank draft</i>	Nombor Bil / TIN <i>Bill Number/ TIN</i>
5	Cukai Pendapatan <i>Income Tax</i>	Kad Kredit /Kad Debit yang dikeluarkan dalam Malaysia sahaja. <i>Credit/ Debit Cards issued in Malaysia only.</i> Tiada kemudahan ansuran 'ezypay' di terminal kaunter. <i>The 'ezypay' instalment facility is not applicable.</i>	Nombor Bil / TIN <i>Bill Number/ TIN</i>
6	Bayaran potongan cukai 2% terhadap pembayaran komisen oleh syarikat pembayar kepada ejen, pengedar atau pengagih (Seksyen 107D, Akta Cukai Pendapatan 1967) <i>Payment for 2% deduction of commission paid by payer company to agent or distributor (Section 107D of Income Tax Act 1967)</i>	Tunai / <i>Cash</i> Bank draft / <i>Bank draft</i> Cek / <i>Cheque</i>	Nombor Bil / TIN <i>Bill Number/ TIN</i>

## Tarikh Akhir Bayaran Cukai

### Last Date of Payment

#### 1. Ansuran Anggaran Cukai

##### Tax Estimation Instalment

Jenis Types	Borang Form	Tarikh Akhir Pembayaran Last Date of Payment
Maklumat Potongan Cukai Bulanan pekerja Individu Mempunyai Punca Perniagaan <i>Monthly Tax Deduction (MTD) (Individuals- Employment income)</i>	e-PCB e-Data PCB e-CP39	15hb bulan berikutnya <i>15th of the following month</i>
(Individu- penerima pendapatan Penggajian) <i>Individuals With Business Income</i>	CP 500	30hb setiap bulan ansuran (Setiap bulan ganjil bermula Mac) <i>30th of the month of instalment (Every odd month starts in March)</i>
Syarikat Berdaftar, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan berkanun dan Persatuan Koperasi <i>Registered Companies, Limited Liability Partnerships, Trust Bodies and Cooperative Societies</i>	CP 204	15hb pada setiap bulan ansuran <i>15th of the following month of instalment</i>
Syarikat Petroleum Huluhan <i>Upstream Petroleum Company</i>	CP 250	15hb pada setiap bulan ansuran <i>15th of the following month of instalment</i>

#### 2. Baki Bayaran Cukai

##### Balance of Tax Payment

Jenis Types	Borang Form	Tarikh Akhir Pembayaran Last Date of Payment
Individu Tidak Menjalankan Perniagaan <i>Individuals Without Business Income</i>	BE	30 April <i>30th April</i>
Individu Menjalankan Perniagaan <i>Individuals With Business Income</i>	B	30 Jun <i>30th Jun</i>
Syarikat Berdaftar, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat Petroleum <i>Registered Companies, Limited Liability Partnerships, Trust Bodies and Cooperative Societies, Petroleum Companies</i>	C / CPE / CS / PT	7 bulan selepas penutupan tempoh perakaunan <i>Within 7 months from the close of the accounting period or the last day of any allowed extension period</i>

## SEKATAN PERJALANAN STOPPAGE ORDER



Kod QR  
QR Code

Tindakan penguatkuasaan yang dikenakan kepada individu atau pengarah syarikat yang gagal menjelaskan cukai di bawah Seksyen 104/Seksyen 75A Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Seksyen 22/ Subperenggan 5(1A) Jadual 1 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. *Enforcement action imposed on individuals or company directors who fail to settle their tax under Section 104/Section 75A of the Income Tax Act (ITA) 1967 or Section 22/ Subparagraph 5(1A) of Schedule 1 of the Real Estate Property Gains Tax (RPGT) Act 1976.*

### Semak Sebelum Keluar Negara Check Before Leaving the Country

- Pembayar cukai boleh melayari MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/> untuk menyemak status mereka sebelum keluar negara; atau  
*Taxpayers can access MyTax at the link <https://mytax.hasil.gov.my/> to check their status before leaving the country; or*
- Warganegara Malaysia boleh melayari laman web Jabatan Imigresen Malaysia di pautan <https://sspi.imi.gov.my/SSPI/> untuk memastikan sekiranya terdapat sekatan perjalanan yang dikenakan kepada mereka.  
*Malaysian citizens can visit the Immigration Department of Malaysia website via <https://sspi.imi.gov.my/SSPI/> to check if there is a Stoppage Order imposed on them.*



### Tindakan yang Perlu Diambil Sekiranya Diseksiat? What You Should Do If There Is a Stoppage Order?

1. Hadir ke pejabat HASiL yang berdekatan atau hubungi nombor telefon berikut untuk membuat semakan tunggakan cukai, menjelaskan tunggakan dan membuat permohonan keluar negara.  
*You may visit to the nearest HASiL office or contact the following phone numbers for assistance to check the amount of arrears and pay the outstanding balance and apply for travel abroad.*

Talian Contact Us At	Nombor Telefon Telephone Number	Waktu Pejabat Office Hours
Pegawai Perhubungan Awam Negeri <i>Customer Care Officer</i>	Pegawai Perhubungan Awam   Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia <i>Customer Care Officer</i>   <i>Inland Revenue Board of Malaysia</i>	Ahad - Jumaat* 8.00 pagi - 5.00 petang <i>Sunday - Friday*</i> 8.00 am - 5.00 pm
HASiL Contact Centre <i>HASiL Contact Centre</i>	03-8911 1000	Isnin - Jumaat 9.00 pagi - 5.00 petang <i>Monday - Friday</i> 9.00 am - 5.00 pm

\*Mengikut hari bekerja negeri yang berkenaan  
*\*According to the working days of the State concerned*



2. Kemukakan resit / bukti bayaran kepada Pegawai Perhubungan Awam Negeri atau saluran yang disediakan di laman web HASiL.

*Submit the receipt / proof of payment to the nearest State Customer Care Officers or through channel provided in HASiL website.*

## Kaedah Bayaran

### Payment Method

<p>Melalui ByrHASiL  <a href="https://byrhasil.hasil.gov.my/">https://byrhasil.hasil.gov.my/</a>          (dicadangkan kod QR)          ByrHASiL  <a href="https://byrhasil.hasil.gov.my/">https://byrhasil.hasil.gov.my/</a>          (suggested for QR code)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbankan Internet (FPX)</li> <li>• <i>Internet Banking (FPX)</i></li> <li>• Kad Kredit (Visa &amp; MasterCard) (tertakluk kepada terma dan syarat)</li> <li>• <i>Credit Card (Visa &amp; MasterCard)</i> (subject to terms and conditions)</li> </ul>
<p>Kaedah Pembayaran Lain  <a href="https://www.hasil.gov.my/individu/kitaran-cukai-individu/bayaran/kaedah-pembayaran/">https://www.hasil.gov.my/individu/kitaran-cukai-individu/bayaran/kaedah-pembayaran/</a>  <i>Other Payment Methods</i>  <a href="https://www.hasil.gov.my/individu/kitaran-cukai-individu/bayaran/kaedah-pembayaran/">https://www.hasil.gov.my/individu/kitaran-cukai-individu/bayaran/kaedah-pembayaran/</a></p>	 <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaunter Bank, ATM, CDM (bank terpilih)</li> <li>• <i>Bank Counters, ATM, CDM</i> (selected banks)</li> <li>• Pejabat Pos Malaysia</li> <li>• <i>Pos Office Counter</i></li> </ul>

\*Untuk maklumat lanjut, sila layari laman rasmi HASiL di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)  
*\*For more information, please visit HASiL's official website at [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)*

## Maklumat Bayaran

### Payment Information

1. Membuat bayaran menggunakan Nombor Bil; atau  
*Pay with Bill Number: or*
2. Membuat bayaran menggunakan Nombor Pengenalan Cukai (TIN)  
*Pay with Tax Identification Number (TIN);*
  - a. Lengkapkan tahun taksiran tunggakan cukai;  
*Fill the assessment year of tax arrears;*
  - b. Lengkapkan Kod dan Jenis bayaran, pilih  
*Fill the Payment Code and Type, select*
    - i. 084/095 (Bayaran Cukai Pendapatan-Individu/ Bayaran Cukai Pendapatan),  
*084 / 095 (Tax Installment Payment-Individual/ Income Tax Payment),*
    - ii. 086/095 (Bayaran Cukai Pendapatan\_Syarikat/ Bayaran Cukai Pendapatan),  
*086 / 095 (Tax Installment Payment-Company/ Income Tax Payment),*
    - iii. 090 (Bayaran Cukai Keuntungan Harta Tanah).  
*090 (Real Property Gain Tax Payment)*



Anda berisiko terlepas *flight* dan kerugian harga tiket penerbangan sekiranya anda mempunyai...

# SEKATAN PERJALANAN



IMBAS UNTUK SEMAKAN

**ELAKKAN CUKAI TERTUNGGAK  
DAN BUATLAH SEMAKAN  
SEBELUM KE LUAR NEGARA!**

[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) 03-8911 1000 [facebook.com/HASILMalaysia](https://facebook.com/HASILMalaysia) [hasil\\_malaysia](https://instagram.com/hasil_malaysia) [@HASIL\\_Malaysia](https://twitter.com/HASIL_Malaysia) [@HASIL\\_Malaysia](https://x.com/HASIL_Malaysia) [@hasil\\_malaysia](https://tiktok.com/@hasil_malaysia)

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

## Jenis Permohonan Type of Application

### 1 Pembatalan / Revocation


- Menjelaskan amaun sepenuhnya mengikut Nombor Bil perakuan atau perakuan yang dikeluarkan;  
*Pay full amount according to the Bill Number or certificate issued;*
- Hadir atau hubungi HASIL Negeri yang berdekatan sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh perjalanan ke luar negara; atau  
*Visit or contact the nearest HASIL at least five (5) days before the date of travel abroad;*
- Membuat bayaran dan permohonan melalui MyTax dibawah e-Sekatan Perjalanan (tertakluk kepada syarat ditetapkan). Kelulusan diberikan dalam tempoh 24 jam dari permohonan.  
*Payment and application through MyTax under e-Sekatan Perjalanan (subject to term and condition). Approval is granted within 24 hours of application.*
- Dapatkan surat kelulusan sebelum keluar negara.  
*Get an approval letter before leaving the country.*

### 2 Pelepasan Sementara / Temporary Release

- Bayaran sekurang-kurangnya 50% daripada perakuan yang dikeluarkan dan membuat aturan bayaran ansuran untuk baki tunggakan cukai;  
*Payment of at least 50% of the issued certificate and make installment payment arrangements for the remaining tax arrears;*
- Sila patuhi aturan bayaran ansuran yang telah dipersetujui dengan pihak HASIL;  
*Please comply to the installment payment have been agreed with the HASIL;*
- Hadir atau hubungi HASIL Negeri yang berdekatan sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh perjalanan ke luar negara;  
*Attend or contact the nearest HASIL at least five (5) days before the date of travel abroad;*
- Kemukakan surat atau e-mel permohonan dengan menyatakan maklumat destinasi, tujuan dan tempoh ke luar negara;  
*Submit a letter or email of application stating the destination information, purpose and period abroad;*
- Dapatkan surat kelulusan sebelum keluar negara;  
*Get an approval letter before leaving the country;*
- Permohonan baharu boleh dibuat jika tempoh kelulusan pelepasan telah tamat.  
*New application can be made if the previous approval period has expired.*

## Carta Aliran Permohonan

### Application Flowchart







# INFO PERCUKAIAN DI HUJUNG JARI ANDA LAYARI PORTAL

<https://mytax.hasil.gov.my>





## HASIL LIVE CHAT

### HASIL LIVE CHAT

HASIL Live Chat merupakan salah satu perkhidmatan khidmat pelanggan LHDNM yang telah dilancarkan pada 1 November 2019.

*HASIL Live Chat is one of the services offered by LHDNM Customer Service that was launched on November 1, 2019.*


Demi meningkatkan mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan LHDNM agar lebih pantas dan efisien.

*In order to improve the quality of LHDNM service delivery to be faster and efficiently.*

Melibatkan isu dan pertanyaan berkaitan cukai pendapatan, duti setem, CKHT dan semua perkhidmatan di bawah kendalian LHDNM.

*Involves issues and inquiries related to income tax, stamp duty, RPGT and all services under IRBM.*


### Ciri-ciri / Features



- Boleh dicapai di mana-mana kawasan yang mempunyai capaian internet.  
*Can be reached in any area with internet access.*
- Pengguna perlu memasukkan butiran peribadi sebelum dibenarkan untuk berhubung dengan pegawai.  
*Users need to enter personal details before being allowed to communicate with officers.*
- Pengguna boleh memuat naik dokumen rujukan semasa sesi perbualan.  
*Users can upload reference documents during a conversation session.*

### Capaian / Access

Boleh dicapai melalui portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)  
*Can be accessed through the IRBM's official portal at [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)*



### Waktu Operasi / Operation Hours

9.00 pagi sehingga 5.00 petang.  
*9.00 am to 5.00 pm.*



# e-Janji Temu HASIL



Urusan  
Percukaian  
Kini Lebih  
MUDAH

Tempah janji temu anda  
*bila-bila masa, di mana jua.*

[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) 03-8911 1000 [facebook.com/HASILMalaysia](https://www.facebook.com/HASILMalaysia) [hasil\\_malaysia](https://www.instagram.com/hasil_malaysia) [@HASIL\\_Malaysia](https://www.youtube.com/channel/UC...) [@HASIL\\_Malaysia](https://twitter.com/HASIL_Malaysia) [@hasil\\_malaysia](https://www.tiktok.com/@hasil_malaysia)

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

## HASIL KNOWLEDGE CENTRE (HKC)

HKC merupakan satu sistem interaktif secara atas talian yang membantu pelanggan untuk mendapatkan maklumat secara segera dan pantas.

*HKC is an online interactive system that helps users to get information immediately and quickly.*

HKC tersedia dalam dwibahasa, iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

*HKC is available in bilingual, which is Bahasa Malaysia and English.*

### Fungsi HKC *HKC Function*



HKC akan menjana jawapan yang berkaitan dengan kata kunci yang dimasukkan oleh pengguna ke ruangan yang disediakan. Pengguna dapat memilih pautan yang berkaitan bagi memperoleh maklumat lanjut.

*HKC will generate answers related to the keywords entered by the users into the space provided. Users can select the relevant link to obtain more information.*

Bagi memudahkan kelancaran, pengguna perlu mempunyai capaian internet.  
*To facilitate smoothness, users need to have internet access.*

### Capaian *Access*



HKC dapat diakses 24 jam melalui portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) yang terletak di ruangan kanan portal berbentuk "Tanya@HKC".  
*HKC can be accessed 24 hours through the LHDNM's official portal at [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) which is located at the right side of the portal written "Tanya@HKC".*



## AMBANG JUMLAH PENDAPATAN INDIVIDU TIDAK DIKENAKAN CUKAI PENDAPATAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2023



### DIRI SENDIRI SELF/SINGLE

RM 37,333  
SETAHUN/ANNUALLY  
RM 3,111  
SEBULAN/MONTHLY

**INCOME THRESHOLD NOT SUBJECT TO TAX  
FOR YEAR OF ASSESSMENT 2023**

### TAKSIRAN BERASINGAN SEPARATE ASSESSMENT



BERKAHWIN + 1 ANAK  
MARRIED + 1 CHILD  
RM 39,333 SETAHUN/ANNUALLY  
RM 3,278 SEBULAN/MONTHLY

BERKAHWIN + 2 ANAK  
MARRIED + 2 CHILDREN  
RM 41,333 SETAHUN/ANNUALLY  
RM 3,444 SEBULAN/MONTHLY



### TAKSIRAN BERSAMA JOINT ASSESSMENT

BERKAHWIN + 0 ANAK  
MARRIED + 0 CHILD  
RM 48,000 SETAHUN/ANNUALLY  
RM 4,000 SEBULAN/MONTHLY



BERKAHWIN + 1 ANAK  
MARRIED + 1 CHILD  
RM 50,000 SETAHUN/ANNUALLY  
RM 4,167 SEBULAN/MONTHLY

BERKAHWIN + 2 ANAK  
MARRIED + 2 CHILDREN  
RM 52,000 SETAHUN/ANNUALLY  
RM 4,333 SEBULAN/MONTHLY

### REBAT CUKAI TAX REBATE

INDIVIDU DENGAN PENDAPATAN BERGUKAI TIDAK MELEBIHI RM 35,000  
DIBERIKAN REBAT SENDIRI (RM 400) BAGI TAKSIRAN DIRI SENDIRI / BUJANG  
DAN TAKSIRAN BERASINGAN, ATAU REBAT SENDIRI (RM 400) DAN REBAT  
SUAMI / ISTERI (RM 400) BAGI PILIHAN TAKSIRAN BERSAMA

INDIVIDUAL WITH TAXABLE INCOME NOT EXCEEDING RM 35,000 WILL BE GIVEN REBATE (RM 400)  
FOR SELF-ASSESSMENT / SINGLE AND SEPARATE ASSESSMENT, OR REBATE (RM 400) AND  
HUSBAND / WIFE REBATE (RM 400) FOR JOINT ASSESSMENT OPTIONS

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA LAYARI: / FOR FURTHER INFORMATION, PLEASE VISIT:

WWW.HASIL.GOV.MY

SUMBER : JABATAN PENYELIDIKAN STRATEGIK, HASIL

## KADAR CUKAI

### TAX RATES

## Kadar Cukai Individu

### Individual Tax Rate

KATEGORI CATEGORY	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI CHARGEABLE INCOME	PENGIRAAN (RM) CALCULATIONS (RM)	KADAR % RATE %	CUKAI (RM) TAX (RM)
A	0 - 5,000	5,000 pertama On the first 5,000	0	0
B	5,001 - 20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya On the first 5,000 Next 15,000	1	0 150
C	20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya On the first 20,000 Next 15,000	3	150 450
D	35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya On the first 35,000 Next 15,000	6	600 900
E	50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya On the first 50,000 Next 20,000	11	1,500 2,200
F	70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya On the first 70,000 Next 30,000	19	3,700 5,700
G	100,001 - 400,000	100,000 pertama 300,000 berikutnya On the first 100,000 Next 300,000	25	9,400 75,000
H	400,001 - 600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya On the first 400,000 Next 300,000	26	84,400 52,000
I	600,001 - 2,000,000	600,000 pertama 1,400,000 berikutnya On the first 600,000 Next 1,400,000	28	136,400 392,000
J	Melebihi 2,000,000 Exceeding 2,000,000	2,000,000 pertama setiap ringgit berikutnya On the first 2,000,000 Next ringgit	30	528,400

## Kadar Cukai Syarikat

### Tax Rate Of Company

TAHUN TAKSIRAN 2023 YEAR ASSESSMENT 2023	PERATUS PERCENTAGE
Syarikat dengan modal berbayar tidak melebihi RM25 juta dan pendapatan kasar perniagaan tidak melebihi RM50 juta Company with paid up capital not more than RM2.5 million and gross business income of not more than RM50 million	
<ul style="list-style-type: none"> <li>RM150,000 yang pertama</li> <li>On the first RM150,000</li> </ul>	15%
<ul style="list-style-type: none"> <li>RM150,001 hingga RM600,000</li> <li>RM150,001 to RM600,000</li> </ul>	17%
<ul style="list-style-type: none"> <li>RM600,001 dan seterusnya</li> <li>RM600,001 and subsequent Balance</li> </ul>	24%
Syarikat selain kategori di atas Company other than the above category	24%

## Kadar Cukai Individu Tidak Bermastautin

### Non-Resident Tax Rate

JENIS-JENIS PENDAPATAN TYPES OF INCOME	KADAR % RATE %
Perniagaan, perdagangan atau profesion Business, trade or profession	26 (Tahun Taksiran 2010 - 2014) 26 (Year Assessment 2010 - 2014)
Penggajian Employment	25 (Mulai Tahun Taksiran 2015) 25 (With Effect From Year Assessment 2015)
Dividen Dividends	28 (Mulai Tahun Taksiran 2016) 28 (With Effect From Year Assessment 2016)
Sewa Rents	30 (Mulai Tahun Taksiran 2020) 30 (With Effect From Year Assessment 2020)
Penghibur Awam / Public Entertainer Faedah / interest	15
Royalti Royalty	
Bayaran untuk perkhidmatan yang diberi oleh seseorang bukan pemastautin atau pekerjaanya berkaitan dengan penggunaan harta atau hak-hak yang dipunyai olehnya, atau pemasangan atau pengendalian apa-apa loji, jentera atau alat-alat lain yang dibeli daripada bukan pemastautin Payments for services in connection with the use of property or installation, operation of any plant or machinery purchased from a non-resident	10



JENIS-JENIS PENDAPATAN TYPES OF INCOME	KADAR % RATE %
Bayaran untuk nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan yang diberi berkaitan pengurusan atau pentadbiran teknikal apa-apa perusahaan, usaha, projek atau skim saintifik, perindustrian atau perdagangan Payments for technical advice, assistance or services rendered in connection with technical management or administration of any scientific, industrial or commercial undertaking, venture, project or scheme	10
Sewa atau apa-apa pembayaran berhubung Rent or other payments for the use of any movable property	

## Kadar Cukai Individu

### Individual Tax Rate

KATEGORI CATEGORY	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI CHARGEABLE INCOME	PENGIRAAN (RM) CALCULATIONS (RM)	KADAR % RATE %	CUKAI (RM) TAX (RM)
A	1 - 30,000	30,000 pertama On the first 30,000	0	0
B	30,001 - 60,000	30,000 berikutnya Next 30,000	5	1,500
C	60,001 - 100,000	60,000 pertama 40,000 berikutnya On the first 60,000 Next 40,000	10	1,500 4,000
D	100,001 - 150,000	100,000 pertama 50,000 berikutnya On the first 100,000 Next 50,000	15	5,500 7,500
E	150,001 - 250,000	150,000 pertama 100,000 berikutnya On the first 150,000 Next 100,000	18	13,000 18,000
F	250,001 - 500,000	250,000 pertama 250,000 berikutnya On the first 250,000 Next 250,000	21	31,000 52,500
G	500,001 - 750,000	500,000 pertama 250,000 berikutnya On the first 500,000 Next 250,000	23	83,500 57,500
H	750,001 dan ke atas	750,000 pertama Setiap ringgit berikutnya On the first 750,000 Next ringgit	24	141,000 .....
I	Potongan yang dibenarkan ke atas pendapatan berasaskan kepada jumlah amaun kumpulan wang ahli-ahli Allowable deductions on income are based on the total amount of the members' fund		8	.....

## Kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah

### Real Property Gain Tax (Rpgt) Rates

1. Kadar CKHT bagi pelupusan aset yang tertakluk di bawah **Bahagian I Jadual 5 ACKHT**:

RPGT rate for disposal of chargeable asset under Part I Schedule 5 RPGT Act:

TEMPOH PELUPUSAN DISPOSAL PERIOD	KADAR CUKAI (%) RATE (%)					MULAI / W.e.f 1.1.2022
	1.1.2010 - 31.12.2011	1.1.2012 - 31.12.2012	1.1.2013 - 31.12.2013	1.1.2014 - 31.12.2018	1.1.2019 - 31.12.2021	
Dalam tempoh 2 tahun <i>Within two years</i>	5	10	15	30	30	30
Dalam tahun ke-3 <i>In the third year</i>	5	5	10	30	30	30
Dalam tahun ke-4 <i>In the fourth year</i>	5	5	10	20	20	20
Dalam tahun ke-5 <i>In the fifth year</i>	5	5	10	15	15	15
Dalam tahun ke-6 atau seterusnya <i>In the sixth year and thereafter</i>	5 *	5 **	5 ***	0	5	Tiada Nil

2. Kadar CKHT bagi pelupusan aset oleh pelupus di **Bahagian II Jadual 5 ACKHT**:

RPGT rate for disposal of chargeable asset under Part II Schedule 5 RPGT Act:

TEMPOH PELUPUSAN DISPOSAL PERIOD	KADAR CUKAI (%) RATE (%)				MULAI / W.e.f 1.1.2019
	1.1.2010 - 31.12.2011	1.1.2012 - 31.12.2012	1.1.2013 - 31.12.2013	1.1.2014 - 31.12.2018	
Dalam tempoh 2 tahun <i>Within two years</i>	5	10	15	30	30
Dalam tahun ke-3 <i>In the third year</i>	5	5	10	30	30
Dalam tahun ke-4 <i>In the fourth year</i>	5	5	10	20	20
Dalam tahun ke-5 <i>In the fifth year</i>	5	5	10	15	15
Dalam tahun ke-6 atau seterusnya <i>In the sixth year and thereafter</i>	5 *	5 **	5 ***	5	10

3. Kadar CKHT bagi pelupusan aset oleh pelupus di **Bahagian III Jadual 5 ACKHT**:

*RPGT rate for disposal of chargeable asset under Part III Schedule 5 RPGT Act:*

TEMPOH PELUPUSAN <i>DISPOSAL PERIOD</i>	KADAR CUKAI (%) <i>RATE (%)</i>				
	1.1.2010 - 31.12.2011	1.1.2012 - 31.12.2012	1.1.2013 - 31.12.2013	1.1.2014 - 31.12.2018	MULAI / <i>W.e.f</i> 1.1.2019
Dalam tempoh 2 tahun <i>Within two years</i>	5	10	15	30	30
Dalam tahun ke-3 <i>In the third year</i>	5	5	10	30	30
Dalam tahun ke-4 <i>In the fourth year</i>	5	5	10	20	30
Dalam tahun ke-5 <i>In the fifth year</i>	5	5	10	15	30
Dalam tahun ke-6 atau seterusnya <i>In the sixth year and thereafter</i>	5 *	5 **	5 ***	5	10

# APA ITU E-INVOIS?




E-Invois merupakan representasi dalam bentuk digital bagi transaksi yang dilaksanakan antara penjual dan pembeli menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik seperti dalam format pdf, JPEG dan lain-lain.

## MANFAAT E-INVOIS



## GARIS MASA PELAKSANAAN



UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Sila layari Portal Rasmi HASiL di [www.hasil.gov.my/e-invois/](http://www.hasil.gov.my/e-invois/)

# Tatacara Akses EduZone



## 01 CAPAIAN INTERNET

Pastikan anda mempunyai peranti seperti komputer, komputer riba (laptop) atau telefon pintar yang mempunyai sambungan internet.



## 03 EDUZONE **EduZone** Gerbang Pendidikan Percubaan Anda

Cari menu Eduzone di Portal Rasmi HASIL. Menu EduZone boleh ditemui di bahagian atas sebelah kanan. Klik menu tersebut untuk melihat perkhidmatan di EduZone.

Informasi Dengan Teknologi Internet

**Lembaga Hasil Dalam Negeri  
Malaysia**

Persewaras yang Membangunkan Negara



## 02 LAMAN WEB HASIL

Layari Portal Rasmi HASIL di alamat berikut:

**www.hasil.gov.my**

hasil.gov.my

## 04 PERKHIDMATAN

Di bawah menu EduZone, anda boleh mengakses perkhidmatan yang telah disediakan, termasuklah risalah cukai, video manfaat cukai, slaid atau poster percubaan serta banyak lagi info-info cukai.



www.hasil.gov.my



03-8911 1000



facebook.com/HASILMalaysia



hasil\_malaysia



@HASIL\_Malaysia



@HASIL\_Malaysia



@hasil\_malaysia

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

## 10 Perkara yang Anda Perlu Tahu Tentang Cukai Pendapatan

### 10 Important Items That You Must Know About Income Tax



1

Saraan bersih bulanan yang dikenakan cukai selepas pemotongan KWSP RM 3,111 (kategori bujang)  
*Monthly net income taxable after EPF deduction RM 3,111 (for single assessment)*

2

Dapatkan nombor cukai pendapatan di e-daftar (<https://mytax.hasil.gov.my/>)  
*Register your income tax number via e-daftar (<https://mytax.hasil.gov.my/>)*

3

Apakah yang perlu saya lakukan jika saya layak dikenakan cukai?  
*What should I do if my income is taxable?*

- Daftar no. cukai pendapatan / Register for income tax number
- Hantar dan lapor pendapatan / Submit and declare income
- Bayar tunggakan cukai / Pay any tax arrears
- Simpan dokumen dengan lengkap dan teratur / Keep proper tax documents

4

Terdapat 21 pelepasan cukai yang layak dituntut oleh pembayar cukai  
*There are 21 tax reliefs that can be claimed by a taxpayer*

5

Perbezaan rebat dan pelepasan cukai  
*Differences between tax rebate and tax relief*

- **Rebat Cukai** : Individu yang mempunyai pendapatan bercukai RM 35,000 layak menuntut rebat (RM 400).  
*Tax rebate : Individuals who have taxable income of RM 35,000 are eligible to claim a rebate of (RM 400).*
- **Pelepasan Cukai** : Amaun yang dibenarkan untuk tolakan ke atas pendapatan yang diterima.  
*Tax relief : Amount allowed to be deducted from the income received.*



6

Apakah itu Potongan Cukai Bulanan (PCB)?  
*What is Monthly Tax Deduction (MTD)?*

- PCB adalah potongan cukai pendapatan secara bulanan yang dilakukan oleh majikan.  
MTD is an income tax deduction on a monthly basis by the employer.
- Membantu untuk mengurangkan beban membayar cukai sekali gus.  
Helps to reduce the burden of paying taxes at once.
- Potongan dibuat berdasarkan jumlah saran bersih bulanan pembayar cukai.  
Deductions are made based on the taxpayer's monthly net remuneration amount.
- Ditolak daripada gaji bulanan yang diterima oleh pembayar cukai yang layak.  
Deducted from the monthly salary received by the eligible taxpayer.

8

Apakah yang perlu saya lakukan jika ingin menggunakan sistem e-Filing?  
*What should I do if I want to login e-Filing system?*

- Perlu dapatkan nombor PIN dari Borang Maklum balas Pelanggan  
Must get the PIN number via Customer Feedback Form at HASIL portal

7

Bagaimanakah cara untuk menghantar Borang Nyata (BN)?  
*How to submit Return Form (RF)?*

- e-Filing melalui MyTax  
E-Filing via MyTax

9

Apakah yang perlu saya lakukan jika terlupa kata laluan e-Filing?  
Set semula kata laluan melalui:  
*What should I do if I forgot my e-Filing password?  
Reset your password via:*

- E-mel berdaftar melalui MyTax.  
Registered email with HASIL via MyTax

10

Cara bayaran cukai pendapatan  
*Tax payment method*



- ByrHASiL / ByrHASiL
- Perbankan internet / Internet Banking
- Kad kredit / Credit card
- Kaunter bayaran / Payment counter



# WASPADA DENGAN **SCAMMER**

Jangan Dedahkan  
Maklumat Peribadi,  
Jangan Beri Maklum Balas,  
Dapatkan Pengesahan LHDNM

# MEDIA SOSIAL HASIL



**SEKALUNG PENGHARGAAN DAN TERIMA  
KASIH KEPADA EDITOR SEPINTAS  
e-BUKU HASIL 2024**

**Pn. Ooi Chong Peng**  
Jabatan Dasar Percukaian

**En. Ahmad Faiz bin Azimi**  
Jabatan Dasar Percukaian

**Pn. Azniyati binti Md Ralib @ Md Raghieb**  
Jabatan Operasi Setem & CKHT

**Cik Noraznita binti Miswan**  
Jabatan Operasi Setem & CKHT

**En. Azaharuddin bin Mohd Ali**  
Jabatan Pungutan HASiL

**Pn. Lisawati Indah binti Osman**  
Jabatan Pungutan HASiL

**En. Mohd Amer bin Nawawi**  
Jabatan Pungutan HASiL

**Pn. Wan Irfa binti Wan Abdul Razak**  
Jabatan Pematuhan Cukai

**Pn. Norazlin binti Md Nor**  
Jabatan Pematuhan Cukai

**En. Mohd Harmizi Fariq bin Zakaria**  
Cawangan Pembayar Cukai Besar

**Pn. Zaharah binti Baharudin**  
Cawangan Pembayar Cukai Besar

**En. Ahmad Faiz bin Azimi**  
Jabatan Dasar Percukaian

**En. Mohd Sapawi bin Abdur Rahim**  
Jabatan Operasi Cukai

**Pn. Norasnidah binti Ali**  
Jabatan Operasi Cukai

**En. Muhammad Najib bin Abd Razak**  
Jabatan Operasi Cukai

**Pn. Aidawati Norashikin binti Musa**  
Jabatan Operasi Cukai

**Pn. Ainul Farihah binti Othman**  
Jabatan Operasi Cukai

**Pn. Yaqina Husna binti Latif**  
Hasil Care Line, Jabatan Khidmat Korporat  
Bahagian Pendidikan Cukai, Jabatan Khidmat  
Korporat